

ANALISIS KES MEMBANTU KLIEN MENGHADAPI KEJUTAN BUDAYA

Mohd Syukri bin Kamis
syukri2u@yahoo.com

ABSTRACT

This study is conducted to help students who have been exposed to culture shock to maintain their identity and avoid themselves from being influenced by the new environment they are currently living in. A total of 10 clients were involved in this study. Preliminary information was obtained from teacher feedback, counselor observation and student recognition based on the result of the first counseling session of said students. Information obtained shows that the students have had a long history of cultural shock since the first day of school enrollment until the client was called for the counseling session. Action planning is focused on the discussion of the reality of human life, the purpose of human life, the reality of life trials and how to face life challenges in accordance to the command of Allah SWT. The results of the clients' feedback show that the client has regained the strength to cope with the culture he or she has been experiencing through counselling sessions conducted by the counselor.

Keywords: culture shock, reality of life, purpose of life

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membantu pelajar yang telah terlibat dengan kejutan budaya agar dapat menjaga jati dirinya dan tidak terpengaruh dengan persekitaran baru yang sedang dialaminya. Seramai 10 orang klien terlibat dalam kajian ini. Makluman awal diperolehi daripada maklumbalas guru, pemerhatian kaunselor dan pengakuan pelajar hasil sesi kaunseling pertama kaunselor dengan pelajar ini. Maklumat yang diperolehi menunjukkan pelajar memang telah lama menghadapi kejutan budaya bermula daripada hari pertama mendaftarkan diri di sekolah sehinggalah klien dipanggil oleh kaunselor untuk sesi kaunseling. Perancangan tindakan difokuskan kepada perbincangan tentang hakikat kehidupan manusia, tujuan kehidupan manusia, hakikat ujian kehidupan dan cara menghadapi ujian kehidupan berpandukan kepada perintah Allah s.w.t.. Keputusan maklum balas klien menunjukkan klien telah mempunyai kekuatan jati diri untuk menghadapi budaya yang sedang dilaluinya selama ini melalui sesi kaunseling yang telah dilaksanakan oleh kaunselor.

Kata kunci: kejutan budaya, hakikat hidup, tujuan hidup

PENGENALAN

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Bacalah. Dengan nama TuhanMu yang menciptakan". (Surah Al -`Alaq ayat 1-2) Sabda Nabi s.a.w. yang membawa maksud "Sesungguhnya menuntut ilmu dengan bersungguh – sungguh itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam". Dan Nabi s.a.w. juga mendidik kita agar memperbanyakkan bacaan do`a yang bermaksud "Ya Allah, tambahilah kepada diriku ilmu yang bermanfaat (yang dapat diamalkan dan mendekatkan diri kepada Allah)". Kesemua dalil ini menerangkan kepada kita bahawa menjadi suatu kewajipan ke atas diri kita agar mencari ilmu yang haq serta menuntut ilmu dengan bersungguh – sungguh agar dapat mengabdikan diri dan menunaikan tanggungjawab kekhalifahan di atas muka

bumi berlandaskan kepada perintah Allah s.w.t. Hilangnya keberkatan dalam menuntut ilmu akan menyebabkan ilmu yang dituntut dan dimiliki oleh seseorang itu makin menjauhkan dirinya daripada Allah s.w.t. sehingga akhirnya boleh merosakkan aqidah, amalan dan akhlak seseorang walaupun dirinya cemerlang akademik dan dipandang tinggi oleh orang ramai.

Oleh itu, saya mengambil inisiatif menjalankan kajian kes ini bagi mengenalpasti cara yang boleh digunakan bagi membantu pelajar berkenaan berhenti daripada mengalami kejutan budaya yang boleh merosakkan aqidahnya dengan penyakit hati seperti *riya`*, *ujub*, *takabbur* akibat daripada niat dan perbuatannya dalam menuntut ilmu yang tidak lagi berpandukan kepada panduan Allah s.w.t. dalam surah *Al -`Alaq*. Kajian ini sangat penting kerana data yang diperolehi dapat membantu saya dan pelbagai pihak lain merangka strategi yang sewajarnya agar dapat membantu individu yang terlibat dalam kes sebegini supaya kembali ke pangkal jalan bagi meraih *redho* Allah s.w.t. dan akhirnya menjadi contoh teladan ikutan kepada orang lain sesuai dengan bidang agama yang dipelajari oleh mereka.

ISU KEPRIHATINAN

Perbincangan saya dengan pelajar berkenaan dalam sesi kaunseling mendapati bahawa pelajar tersebut berada dalam dilema berkenaan apabila dia menuntut ilmu dalam bidang agama bukan kerana Allah s.w.t. atau jelas dengan tujuan menuntut ilmu agama atau memperbetulkan kembali niatnya apabila sudah memahami tujuan menuntut ilmu agama. Sebaliknya klien memasuki aliran agama dengan tujuan memenuhi hasrat penjaganya semata-mata tanpa memperbetulkan kembali niatnya apabila usia makin meningkat, ingin menjadikan *ustaz* (guru agama) sebagai suatu profesion kerjaya agar dipandang tinggi atau dihormati oleh orang lain, ingin memperbetulkan kesilapan orang lain dan memandang bahawa ilmu selain ilmu *fardhu`ain* adalah tidak perlu atau bersifat *duniawi* semata-mata (tiada perkaitan dengan akhirat).

Selain itu, apabila klien pulang ke rumah, cara hidup yang menjadi budaya oleh penjaganya dan ahli keluarga lain umumnya bertentangan dengan apa yang telah dipelajari di sekolah. Ini menjadikan klien berasa keliru dan tertekan untuk mengikuti samada perkara yang dipelajari di sekolah atau mengikuti perkara yang diamalkan di rumahnya. Keadaan diburukkan lagi apabila klien melihat senario yang sama berlaku di kalangan guru-gurunya sendiri khususnya lagi di kalangan guru yang mengajar ilmu *fardhu kifayah*. Ianya disusuli pula dengan rakan-rakan kenalan yang sememangnya mengamalkan gaya hidup tidak memenuhi sepenuhnya tuntutan agama dan menunjukkan keseronokan hidup mereka tanpa mentaati sepenuhnya perintah agama. Kesukaran mengadaptasi ilmu yang dipelajari dengan kehidupan, menjadikan klien akhirnya samada tidak beramal dengan ilmu yang dipelajarinya atau akhirnya memandang rendah atau hina kepada orang lain atau memandang remeh pada ilmu *fardhu kifayah* serta tidak mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh.

Saya yakin, sekiranya pelajar ini ditunjukkan hakikat kehidupan yang sebenarnya, tujuan hidup, hakikat ujian hidup dan cara menghadapi ujian hidup berlandaskan perintah Allah akan dapat memperbetulkan kembali fahaman klien serta mengukuhkan kembali aqidah, amalan dan akhlak klien serta membentuk kekuatan

jati dirinya seperti yang sewajarnya dan mampu menjadikan klien sebagai seorang contoh teladan kepada pelajar lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan mengembalikan aqidah, amalan dan akhlak klien kepada Islam yang seterusnya mengukuhkan jati diri klien sebagai hamba yang taqarrub kepada Allah swt.

Objektif Khusus

1. Mengetahui faktor klien menunjukkan tingkah laku yang menyimpang daripada ilmu yang dipelajarinya.
2. Membantu klien mengenalpasti samada tujuan menuntut ilmunya itu benar atau menyesatkan dirinya.
3. Menyediakan strategi bagi membimbing mereka kembali ke pangkal jalan.
4. Menghentikan perbuatan yang boleh merosakkan keimanan (niat, amalan, akhlak) kepada Allah.
5. Membimbing klien cara menuntut ilmu yang betul.

Kumpulan Sasaran

10 orang pelajar daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 yang menghadapi dilema, kecelaruan dalam mengamalkan ilmu agama yang dipelajari.

Limitasi Kajian

1. Kajian ini hanya dijalankan ke atas 10 orang pelajar sahaja di salah sebuah sekolah di Malaysia berdasarkan laporan guru, pengakuan klien dan pemerhatian kaunselor sendiri. Oleh itu, ianya tidak boleh dibuat sebagai generalisasi terhadap keseluruhan pelajar sekolah ini.
2. Tindakan yang dilakukan mungkin sesuai atau sebaliknya bagi pelajar lain. Oleh itu, pihak lain perlu melihat secara menyeluruh keadaan seseorang klien sebelum mengikuti tindakan yang diambil ke atas pelajar bagi mengurangkan atau menghentikan masalah kejutan budaya yang berlaku.

Definisi Konsep

“Membantu Klien Menghadapi Kejutan Budaya” merujuk kepada keadaan di mana kaunselor membantu klien yang berada dalam keadaan dilema kerana niat dalam menuntut ilmu tidak benar, ilmu yang dipelajari tidak selaras dengan apa yang dilihat dalam kehidupan hariannya khususnya individu yang terdekat dengan dirinya seperti ibu bapa, guru dan rakan-rakan yang akhirnya menyebabkan klien bertingkah laku menyimpang daripada kebiasaannya yang positif.

Klien merujuk kepada beberapa orang pelajar lelaki dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 yang bertukar dari aliran agama atau tahfiz ke sekolah harian biasa. Klien datang samada kerana dirujuk oleh guru lain, dijemput oleh kaunselor atau secara sukarela untuk membincangkan keadaan dirinya dan mengenalpasti keadaan dan kedudukan dirinya dalam mengamalkan ilmu yang telah dipelajarinya selama ini dengan senario baru yang sedang dilalui oleh dirinya.

Kesimpulannya, kajian ini hanya berfokuskan kepada beberapa orang pelajar lelaki dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 mempunyai kecelaruan mengamalkan ilmu agama yang dipelajarinya kerana masalah niatnya dalam menuntut ilmu atau perbezaan antara ilmu yang dipelajari semasa di sekolah pondok atau agama atau tahfiz dengan realiti yang dilihat dalam kehidupan harian berdasarkan perkara yang ditunjukkan oleh penjaganya, guru atau rakan-rakan.

PELAKSANAAN KAJIAN

Tinjauan Masalah

Dalam kajian ini, tinjauan masalah dilakukan melalui pengakuan pelajar yang datang mengaku secara sukarela di dalam sesi kaunseling individu samada yang dipanggil oleh kaunselor atau yang diminta olehnya.

Pengakuan Pelajar

Pelajar secara jujur menyatakan bahawa dirinya memang sedang mengalami kekeliruan apabila budaya dan perkara yang pernah dipelajari di sekolah lamanya (agama, pondok atau tahfiz) berbeza dengan budaya yang dilihat di sekolah barunya samada budaya oleh penjaga, guru mahupun rakan-rakan. Kekeliruan ini menyebabkan akhirnya samada klien terikut-ikut dengan tingkah laku rakan-rakan yang menyimpang daripada ajaran agama samada aspek solat, pergaulan, aurat ataupun akhirnya memandang sinis kepada orang lain samada ibubapa, guru atau rakan ataupun memandang remeh kepada keperluan ilmu fardhu kifayah dan akhirnya belajar secara sambil lewa.

Analisis Tinjauan Masalah

Pengakuan Pelajar

Klien mengakui kesilapannya apabila niatnya memasuki sekolah agama tidak betul ataupun mengikut budaya baru yang menyimpang daripada ajaran agama. Kesilapan ini berlaku apabila klien inginkan penerimaan rakan-rakan ataupun tidak mahu diejek oleh orang lain atau dipandang budak skema. Ianya juga berlaku apabila klien sendiri terpengaruh dengan trend atau gagal menghadam ilmu yang telah dipelajarinya selama ini di sekolah lamanya sehingga menyebabkannya gagal untuk beristiqomah dengan amalan solehnya selama ini. Klien juga tidak dapat menerima apabila melihat terlalu banyak kemungkaran di sekelilingnya memadamkan bi'ah kehidupannya selama ini agak kurang kemungkaran yang berlaku berbanding di dunia sebenar. Kesukarannya menerima hakikat ini menyebabkannya memandang hina atau sinis kepada orang lain termasuklah kepada ibubapanya sendiri, guru-guru dan rakan-rakan sehingga merasakan bahawa dirinya lebih mulia dan orang lain semuanya salah ataupun ahli neraka.

Keterbatasan ilmu dan kefahaman terhadap kehidupan juga menyebabkan akhirnya klien memandang ringan atau remeh kepada keperluan menguasai ilmu fardhu kifayah dan menyebabkannya bersikap belajar secara bermain-main atau sambil lewa dalam menuntut ilmu tersebut yang akhirnya turut menyumbang kepada masalah disiplin lain yang dilakukan oleh klien. Klien akan memperbetulkan kembali niatnya dalam menuntut ilmu dan belajar memahami tujuan kehidupan, menerima hakikat kehidupan, memahami hakikat ujian kehidupan dan cara-cara menghadapi ujian hidup berlandaskan perintah Allah s.w.t. Klien juga akan belajar menerima orang

lain seadanya dan berusaha bersungguh-sungguh menguasai ilmu fardhu kifayah sepertimana yang dilakukan oleh para ulama silam.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN / PENILAIAN

Kajian ini dijalankan ke atas 10 orang pelajar lelaki tingkatan 1 sehingga tingkatan 5 yang menghadapi kejutan budaya dan mengikuti sesi kaunseling samada secara sukarela ataupun rujukan atau dipanggil bagi mengenalpasti keadaan niat, amalan dan akhlak yang sedang melanda dirinya bagi melakukan keputusan dan tindakan yang betul di sisi syarak tentang kehidupannya.

1. Sesi Bimbingan/Kaunseling

Setelah rapo dibina dalam sesi kaunseling, klien menceritakan keadaan dirinya pada masa kini daripada aspek amalan kehidupan harian dan perbezaan yang berlaku antara kehidupannya pada masa lalu semasa di sekolah lama berbanding dengan berada di sekolah terkini meliputi ibadah fardhu dan sunat serta hubungan dengan ibu bapa, guru dan rakan-rakan serta tujuan berpindah dan perancangan pendidikan serta kesan perpindahan ke atas diri mereka.

Perbincangan pertama lebih kepada membawa klien memuhasabah tujuan ataupun niat mereka menuntut ilmu agama selama ini serta kesannya ke atas kehidupan mereka. Ianya meliputi aspek keberkatan hidup yang membawa ketenangan hidup, keberkatan dalam menuntut ilmu yang menatijahkan kemudahan untuk beramal dengan ilmu dan seterusnya menjadikan mereka sebagai anak soleh yang boleh membantu ibu bapa mereka setelah meninggal dunia.

Klien juga dibawa berbincang tentang jenis ilmu merangkumi ilmu fardhu `ain dan fardhu kifayah serta martabat ilmu dan keperluan menguasai kedua-dua cabang ilmu berkenaan serta kewajipan mempelajari kedua-dua ilmu tersebut dengan bersungguh – sungguh. Ianya juga dikaitkan dengan hadis Nabi Muhammad s.a.w. berkaitan dengan individu yang inginkan dunia dan akhirat, maka hendaklah dirinya menguasai ilmu. Klien juga dibawa menelusuri tokoh – tokoh ulama` silam yang menunjukkan majoriti mereka menguasai pelbagai cabang ilmu merangkumi ilmu fardhu `ain dan fardhu kifayah serta salah faham masyarakat yang terlalu suka mengklasifikasikan ilmu kepada duniawi dan ukhrowi. Hakikatnya semua ilmu membawa kepada mengenal Allah dan datangnya daripada Allah s.w.t. dan diklasifikasikan kepada fardhu `ain dan fardhu kifayah yang menunjukkan kesemuanya berada dalam kelompok wajib dipelajari.

Perbincangan seterusnya membawa klien memahami tujuan kehidupan di atas muka bumi ini. Klien dibawa melihat kembali tujuan kehidupan berlandaskan kepada perintah Allah s.w.t. di dalam Al-Qur`an sepertimana yang telah dipelajari oleh diri mereka di sekolah. Klien perlu jelas bahawa tujuan kehidupan mereka adalah untuk menunaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah dengan memakmurkan muka bumi ini mengikut kehendak Allah s.w.t..

Seterusnya klien dibawa memahami hakikat kehidupan sebagai tempat menjalani ujian daripada Allah s.w.t. bagi kehidupan selepas kematian. Segala perkara yang berlaku samada manis atau pahit adalah ujian daripada Allah dan makhluk yang terlibat adalah alat untuk Allah menguji keimanan kita kepada Allah

s.w.t. Akhirnya klien dibawa berbincang tentang hakikat ujian kehidupan dan cara – cara menghadapi ujian hidup berlandaskan perintah Allah s.w.t.

Setiap kali sesi dimulakan dengan membaca surah Al – Fatihah dan diakhiri dengan surah Al`Asr serta tasbih kaffarah. Klien turut ditanya tentang keadaan kesihatan dirinya dan amalan kehidupan hariannya. Apabila berlaku sebarang persoalan atau kekeliruan, klien dibawa kembali untuk melihat kesemua perkara tersebut berdasarkan perkara yang telah dibincangkan sebelum ini. Klien juga diingatkan bahawa ujian hidup semakin meningkat sesuai dengan kemampuan dirinya melaiputi aspek fizikal, mental, emosi dan rohani.

2. Soalan – soalan semasa sesi bimbingan/kaunseling

Soalan – soalan kepada klien semasa sesi kaunseling

1. Apakah yang kamu cari sebenarnya?
2. Apakah matlamat kejadian diri manusia?
3. Apakah tanggungjawab diri kita?
4. Siapakah yang berkuasa?
5. Siapakah yang mengizinkan orang lain untuk melakukan kebaikan atau sebaliknya ke atas diri kita?
6. Bolehkah manusia melakukan sesuatu tanpa izin Allah s.w.t.?
7. Jika semua perkara datangnya daripada Allah, apakah makna di sebalik semua kejadian yang berlaku ke atas diri kita?
8. Jika kita benar-benar beriman atau menghayati bahawa semuanya adalah ujian daripada Allah s.w.t., perlukah kita sakit hati/berdendam/kecil hati/ bermasam muka/ bergaduh dengan orang yang melakukan perkara tidak baik kepada kita atau tidak mahu menolong kita?
9. Jadi, untuk menyelesaikan semua ini, apa yang perlu kita lakukan?
10. Apa yang diajar oleh Islam untuk menjalani hidup dalam keadaan tenang?
11. Bagaimana cara untuk mensucikan hati?
12. Bolehkah kita mengharapkan hasil yang segera, sedangkan hati kita sudah lama kotor atau penuh dengan titik hitam atau dosa?
13. Apakah yang kamu faham dengan istidroj?
14. Bagaimana pula dengan perkataan mujahadah dan tazkiyah annafs?
15. Apakah Allah s.w.t. menilai hasil atau usaha yang kita lakukan?
16. Mana yang lebih bernilai di sisi Allah s.w.t., kesungguhan oleh orang yang mencuba walaupun gagal, ataupun kejayaan oleh orang yang malas?
17. Mengapa hendak biarkan diri kita dikuasai atau tertekan oleh kata –kata manusia?
18. Manusiakah yang menentukan hidup kita atau Allah?
19. Kita hendak mencari redho Allah ataa redho manusia?
20. Kata – kata atau umpatan atau ejekan manusia itu sebenarnya suatu bentuk apa di sisi Allah s.w.t. terhadap kita?
21. Bolehkah kita menutup mulut manusia?
22. Adakah terdapat satu tempat di dunia ini yang manusia tidak ada kata-mengata atau mengumpat atau melakukan kejahatan kepada manusia lain?
23. Sebenarnya penganiayaan orang lain ke atas diri kita merupakan suatu bentuk apa di sisi Allah s.w.t. terhadap kita?
24. Apakah yang kita cari, keredhoan Allah untuk ketenangan hakiki atau keredhoan manusia yang belum pasti?

25. Bolehkah kita memenuhi tuntutan atau hasrat manusia yang subjektif dan tidak pernah puas?
26. Mana satukah kasih sayang sejati, kasih sayang Allah atau kasih sayang manusia?
27. Jadi, mana satu yang perlu kita kejar? Jika kita berkasih sayang sesama manusia, kita perlu berkasih sayang kerana siapa? Untuk apa?
28. Seandainya kasih sayang kita sesama manusia itu ,menjauhkan kita daripada Allah, ianya suatu bentuk apa? Adakah wajar ianya diteruskan? Apa yang perlu kita lakukan jika ingin ianya berterusan?
29. Perlukah kita mengharap kasih sayang kita dibalas oleh orang lain? Jika kita mengharap balasan, adakah kasih sayang itu lahir dari hati yang ikhlas? Jadi, senario yang berlaku sebenarnya satu ujian Allah untuk menguji kita sama ada ikhlas atau sebaliknya , cuba renungkan.
30. Jika benar kita menyayangi seseorang, apakah yang patut kita lakukan? Adakah apa yang kita lakukan sekarang ini betul?
31. Siapa sebenarnya yang suka memutuskan hubungan kasih sayang atau silaturrohim antara dua individu atau lebih (sama ada ibu bapa dengan anak, suami isteri atau adik beradik atau sahabat atau jiran tetangga)? Apakah ganjaran yang Allah s.w.t. janjikan kepada hambaNya yang berkasih sayang keranaNya?
32. Adakah perebutan harta, perselisihan faham, dengki, penganiayaan, perbezaan pendapat, kenaikan pangkat atau sebarang bentuk kejadian yang berlaku wajar menjadikan kita memutuskan hubungan silaturrohim dengan orang lain? Siapa yang benarkan situasi ini berlaku? Untuk apa Allah benarkan peristiwa ini berlaku? Siapakah sebenarnya yang menang dalam situasi ini? Apa yang akhirnya akan terjadi pada diri kita di dunia dan pada hari akhirat nanti?
33. Mana yang lebih penting, dunia atau akhirat seandainya kita tidak mampu memperolehi kedua-duanya sekali?
34. Apakah kayu ukur yang sebenar dalam kehidupan kita dalam menuju kehidupan yang abadi?
35. Apa yang Allah s.w.t. jelaskan tentang ujian hidup kepada kita semua?
36. Cuba kamu renungkan kembali, rasa-rasanya perkara yang kamu sedang lalui sekarang, adakah kamu telah mempunyai ilmu tentangnya sama ada belajar secara formal atau tidak formal seperti dari pengalaman orang, menonton filem dan sebagainya?
37. Berdasarkan kepada apa yang telah dan pernah kamu belajar, bagaimanakah cara untuk berhadapan atau menangani perkara ini?
38. Bolehkah sesuatu benda terjadi dengan sendirinya?
39. Adakah kamu kuat? Jika tidak, kamu nak minta tolong pada siapa? Adakah orang yang kamu minta tolong itu kuat dan mampu menolong kamu dalam segala hal? Akhirnya kamu terpaksa meminta kepada siapa?
40. Siapakah yang paling berkuasa? Dengan siapa kita perlu bergantung?
41. Apakah perkara / amalan yang diajar oleh Nabi Muhammad s.a.w. apabila iman atau aqidah kita tergugat dengan hujah / idea orang yang hendak memesongkan aqidah kita?
42. Bagaimana dengan solat kamu? Adakah kamu menghadiri kelas / kuliah agama? Adakah kamu berbincang dengan seseorang tentang perkara yang bertentangan dengan agama dalam pembacaan kamu?

43. Adakah perbuatan kamu itu betul dengan menerima apa sahaja yang disampaikan oleh rakan kamu tanpa berbincang dengan seseorang yang ahli / pakar dalam perkara tersebut?
44. Adakah kamu berdoa sebelum belajar? Dan selepas belajar? Apa niat kamu semasa belajar? Apa pesanan Nabi Muhammad s.a.w. tentang niat melakukan sesuatu?
45. Adakah kamu meminta pertolongan Allah, hidayah dan taufiqnya dalam urusan kehidupan harian kamu?
46. Jika kamu merasakan bahawa manusia memerlukan kebebasan, bagaimana jika saya bebas untuk menampar muka kamu tanpa sebab kerana saya bebas melakukan apa saja yang saya hendak lakukan? Sedia ke? Boleh? Kenapa tidak boleh? Kan kamu kata setiap manusia bebas melakukan apa saja yang dikehendakinya?
47. Apa yang kamu rasa jika robot yang kamu ciptakan melakukan sesuka hati tanpa mengikut apa yang kamu programkan? Apa yang kamu akan lakukan?
48. Apa yang kamu faham dengan konsep hamba? Jika merujuk kepada zaman dahulu, apakah maksud hamba? Apa perkara yang boleh dilakukan oleh seorang hamba? Adakah hamba bebas atau kena mengikut keseluruhan perintah tuannya? Adakah hamba mempunyai kebebasan dirinya? Atau dia milik mutlak tuannya?
49. Apakah yang Nabi Muhammad s.a.w. ajarkan apabila kita melihat orang lain melakukan dosa? Adakah itu yang kamu lakukan? Adakah kamu mengikut sunnah Nabi Muhammad s.a.w.?
50. Adakah memandang sinis atau hina pada orang lain merupakan perbuatan mulia? Bagaimana jika orang lain melakukan perkara yang sama kepada kamu? Apa perasaan kamu? Apakah yang sebenarnya perlu kita lakukan untuk mengikut sunnah Nabi Muhammad?
51. Apakah pengklasifikasian ilmu? Benarkah adanya ilmu duniawi dan ukhrowi? Mana dalilnya? Semua ilmu datangnya daripada siapa? Segala ilmu tujuannya untuk apa?
52. Apakah yang dikatakan ilmu fardhu `ain dan fardhu kifayah? Perkataan fardhu menunjukkan status bahawa kedua-dua ilmu itu wajib dipelajari atau bagaimana? Bagaimana pula dengan amalan ulama terdahulu?
53. Jika benar kita menjaga adab menuntut ilmu dan adab berguru, adakah kita memandang sinis pada kekurangan guru? Sebagai seorang pelajar yang dikatakan soleh, apakah peranan dan tanggungjawab kita apabila melihat aib guru?
54. Apakah adab kita apabila melihat ibu bapa kita melakukan dosa? Jika benar kita anak yang berilmu tinggi dalam agama ataupun anak soleh, apakah peranan kita dalam membantu membentuk keluarga sakinah?
55. Apakah yang kamu faham dengan konsep Ihsan? Apa tindakan yang perlu kamu lakukan dalam kehidupan harian untuk melakukan perbuatan ihsan?

REFLEKSI KAJIAN

Alhamdulillah, sesi kaunseling ini berjaya membantu klien memperbetulkan kefahaman dirinya tentang tujuan menuntut ilmu, tujuan kehidupan, hakikat kehidupan, cara menghadapi ujian hidup dan seterusnya mengubah tingkah lakunya. Ini dibuktikan melalui pengakuan klien:

1. Klien jelas dengan tujuannya menuntut ilmu selama ini yang perlu diperbetulkan semula sejajar dengan perintah Allah.
2. Klien menerima hakikat kehidupan manusia.
3. Klien jelas dengan tujuan kehidupan untuk mencari redha Allah.
4. Klien jelas dengan ujian kehidupan semuanya datang daripada Allah dan perlu dikembalikan segala urusan hidup kepada Allah s.w.t.
5. Klien tahu kaedah menghadapi ujian hidup sejajar dengan kaedah yang diajar oleh Nabi Muhammad s.a.w.

CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian ini hanyalah kajian kes yang berfokuskan kepada seorang klien. Bagi melibatkan kajian yang lebih besar, klien yang mengalami kejutan budaya perlu dikelompokkan mengikut jenis kejutan budaya agar suatu tindakan bersepadu dapat diambil bagi membantu klien yang terlibat dengan perkara sebegini. Ianya juga dapat membantu kaunselor yang menghadapi kes sebegini untuk mengambil langkah intervensi awal bagi mencegah klien daripada terus melakukan perbuatan – perbuatan yang menyalahi ilmu dan budaya yang menjadi amalan hidup mereka selama ini.

KESIMPULAN

Dapatan daripada kes ini menunjukkan bahawa klien yang mengalami kejutan budaya boleh dibantu samada mereka datang secara dirujuk, dipanggil atau sukarela. Intervensi awal kaunselor sebelum klien makin banyak melakukan perbuatan yang menyalahi budaya hidupnya sebelum ini boleh membantu klien dalam menguruskan dirinya ketika berhadapan senario kejutan budaya samada dalam diri sendiri, dengan ibu bapa, kawan dan persekitaran. Kaunseling Islam ini hanya memerlukan kaunselor menggunakan kembali sahaja segala ilmu telah dipelajari oleh dirinya atau oleh klien dalam mata pelajaran pendidikan Islam semasa di peringkat sekolah sahaja samada sukatan pelajaran peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah atau melakukan perkaitan dengan suasana persekitaran yang ada.

Tindakan kaunselor mengadakan sesi kaunseling dalam bentuk tenang (tidak terkejut dengan keadaan klien), temu bual santai, menerima klien seadanya sebagai seorang manusia biasa walaupun mempunyai ilmu yang tinggi dalam agama (dengan menunjukkan bahawa kaunselor tidak menghukum klien), berusaha memahami keadaan yang sedang dialami oleh klien, berusaha mengenalpasti punca klien menjadi begitu, cuba membantu klien melihat sama ada kefahaman dirinya betul atau salah, membantu klien menilai kesahihan niat dirinya berjaya dalam menuntut ilmu boleh membantu klien memperbetulkan kembali fahaman aqidahnya, corak pemikirannya dan tindakannya. Ini dibuktikan melalui maklum balas klien pada sesi akhir kaunseling dan keadaan diri klien selepas selesai mengikuti sesi kaunseling berkenaan. Namun demikian, klien tetap memerlukan sokongan berterusan dalam usaha mengukuhkan jati dirinya.